

FONOLOGI DAN MORFOLOGI PROSODIK DENGAN APLIKASINYA DALAM BAHASA MELAYU

Arbak Othman

Abstrak

Kajian ini cuba menggunakan teori yang diperkenalkan oleh Chomsky dan Halle dalam bukunya *The Sound Pattern of English* (1968) untuk melihat aplikasi rumus ke atas sintaksis melalui pelaksanaan set rumus penyesuaian, selain rumus fonologi yang beroperasi ke atas leksikon. Pelaksanaan rumus-rumus ini berguna untuk memperinci fenomena prosodik yang bersifat morfologikal berdasarkan morfologi leksikal. Fonologi prosodik menggunakan kategori dalam kata seperti mora, suku kata, akar dan kata fonologikal bagi melihat proses prosodik yang berlaku pada aras kata. Pada aras ini akan diperlihatkan rumus-rumus fonologi dengan suku kata atau kaki sebagai ranahnya. Dalam bahasa Melayu, rumus syarat penyukuan kata dapat berupa glotalisasi, aspirasi, labialisasi, dan palatalisasi. Rumus labialisasi dan palatalisasi dihuraikan sebagai yang terlibat dalam pelaksanaan rumus morfologi prosodik, walaupun masih boleh juga dihuraikan dalam fonologi prosodik. Perbezaan ini ditunjukkan untuk menggambarkan kemungkinan unsur yang sama dapat dilakukan oleh proses melalui rumus-rumus dalam dua bidang prosodik yang berbeza tetapi saling mengisi. Teori morfologi prosodik McCarthy dan Prince (1988, 1990) digunakan untuk menghuraikan cara kata jamak dapat dibentuk oleh suatu kata minimal melalui pemetaannya ke atas kaki dalam bahasa Arab, mahupun bahasa Melayu. Ini ditunjukkan untuk membuktikan kemungkinan aplikasi hipotesis morfologi prosodik melalui penyukuan dan kehadiran mora dalam kata. Dalam bahasa Melayu ditunjukkan bagaimana rangkuman prosodik dapat beroperasi ke atas kata-kata yang mengambil prefiksa < me- > dan < ber- >, selain proses *afiksasi reduplikasi* yang menentukan kehadiran vokal atau

konsonan sebagai unsur akhir afiksa yang memberi sifat kepada kata bahasa Melayu. Proses reduplikasi dilihat juga dari segi penglibatan penyisipan afiksa < -em > dengan perubahan tertentu kepada vokal dan konsonan dalam kejadian kata ganda tertentu dalam bahasa Melayu. Dalam hal ini, konsep *keminimalan* bagi kata digunakan sebagai syarat kehadiran mora dalam kata tertentu bahasa Melayu. Syarat pemuasan templat pula digunakan sebagai kriteria tambahan bagi membantu menentukan kebenaran kejadian kata-kata ganda daripada dua suku kata dalam bahasa Melayu iaitu, dasar minimalnya tidak dapat berdiri sebagai kata minimal bebas dalam bahasa Melayu. Pendek kata, rumus fonologi dan morfologi prosodik dapat, dalam banyak hal, menerangkan kejadian kata-kata daripada berbagai-bagai bentuk dalam bahasa Melayu.

Abstract

This study made use of the theory introduced by Chomsky and Halle in their book The Sound Pattern of English (1968) to investigate the application of rules on syntax by using adjustment rules set, apart from the phonological rules that operate on lexicon. The use of rules is important in detailing the prosodic phenomena that are morphologically based on lexical morphology. Prosodic morphology uses the internal word category such as mora, syllables, roots and the phonological word to describe the prosodic processes occurring at the word level. At this level, the phonological rules are shown with syllables or feet as their domain. In Malay, the rules for syllabification may be in the form of glottalization, aspiration, labialization and palatalization. Labialization and palatalization rules are described as involving the execution of prosodic morphological rules, although it is still possible to describe it using prosodic phonology. This difference is purposely highlighted to show the possibility of the same element being processed using rules in two different prosodic areas, but nevertheless complementary. The prosodic morphological theory of McCarthy and Prince (1988, 1990) is used to describe the way compounds are formed from a minimal word via the mapping to foot in Arabic, and also in Malay. This is shown to prove the possibility of applying the prosodic morphology hypothesis through syllabification and the presence of mora in words. As for Malay, prosodic inclusion is shown to operate on words that acquire prefixes <me-> and <ber->, apart from the reduplication affixation process that determines the presence of a vowel or a consonant as the final element in affixes

that is characteristic to Malay words. Reduplication are also examined with respect to infixes <-em-> and <-er->, and also <me-> with certain changes to vowels and consonants in some compound formation in Malay. In this case, the minimality concept for words is used as a condition of the presence of mora in some Malay words. The fulfillment condition of template is used as an additional criterion to help in establishing the truth of the occurrence of compounds from two syllables in Malay, in which the minimal base cannot exist as a free minimal word in Malay. In short, phonological rules and prosodic morphology can, in many instances, explain the occurrence of words in many forms in Malay.

KONSTITUEN PROSODIK DALAM FONOLOGI: MENGAPA KONSTITUEN PROSODIK?

Teori yang digunakan dalam makalah ini ialah teori yang diperkenalkan oleh Chomsky dan Halle dalam bukunya *The Sound Pattern of English* (1968, seterusnya SPE). Mereka mengatakan bahawa bahasa mempunyai rumus fonologi yang beroperasi ke atas output sintaksis, dicelahi pelaksanaannya oleh suatu set rumus penyesuaian. Dalam teori fonologi leksikal, sebahagian penting daripada rumus fonologi beroperasi dalam leksikon, sebelum konkatenasi sintaksis. Dalam pada itu, sebarang rumus fonologi yang merujuk kepada lebih daripada satu kata haruslah diaplikasikan selepas sintaksis. Kelas ini meliputi semua rumus yang menyediakan struktur intonasi, rumus-rumus yang memberi kesan pada suatu konsonan akhir kata sebelum suatu vokal awal kata, dan lain-lain yang akan diteliti dalam rencana ini. SPE mengakui bahawa rumus-rumus seperti itu tidak semestinya diaplikasikan kepada struktur permukaan sintaksis dalam perbincangan tentang struktur intonasi (1).

1. Ini adalah [FN kucing yang menangkap [FN tikus yang mencuri [FN keju] SPE membuat komentar.

Yang jelas ialah struktur intonasi pengucapan tidak sejajar dengan struktur permukaan. Sebaliknya, penyimpangan utama merupakan selepas *kucing* dan *tikus*; diucapkan sebagai struktur tiga-bahagian, iaitu kucing — yang menangkap tikus — yang mencuri keju (SPE, hlm. 372).

SPE mencadangkan bahawa untuk menerbitkan kontur intonasi yang betul ialah dengan cara mengaplikasikan rumus penyesuaian. Rumus ini

akan menukarkan (1) “dengan ayat-ayat tindanan berganda ke dalam satu struktur dengan setiap ayat yang bertindan itu disambunganakkan kepada ayat yang menguasainya.” Sebarang struktur atau rumus eksplisit tidak disediakan bagi mendapatkannya.

Teori fonologi prosodik yang membawakan kajian intonasi dan banyak lagi fenomena prosodik, menoleh semula kepada teori kompetensi dengan cara menghapuskan kategori rumus penyesuaian sekali gus. Banyak rumus penyesuaian semula dalam SPE bersifat morfologikal dan ditentukan mengikut morfologi leksikal dalam teori fonologi dan morfologi prosodik leksikal dan bukannya menurut fonologi. Untuk proses prosodik yang benar, fonologi prosodik (Nespor dan Vogel, 1986) mencadangkan kategori prosodik. Kategori ini meliputi kategori dalam kata: Mora, suku kata, akar, dan kata fonologikal. Atas daripada kata fonologikal, kategori prosodik diterbitkan daripada struktur sintaksis tetapi tidaklah identikal dengannya. Bukti untuk ini ada dua bahagian. Pada satu pihak, Nespor dan Vogel menghuraikan beberapa proses fonologi yang ranahnya tidak dapat dinyatakan secara umum dari segi kategori sintaksis, tetapi dapat dengan mudah dinyatakan dengan menggunakan istilah prosodik. Ini benar bagi kategori prosodik daripada kelompok klitik hingga ke frasa intonasi pada pihak yang lain pula, Nespor dan Vogel menghuraikan beberapa proses fonologi tertentu yang ranahnya lebih besar daripada ayat. Oleh sebab ayat merupakan kategori terbesar, maka tidak ada kategori sintaksis yang boleh didapati untuk bertugas sebagai ranah untuk proses tersebut. Rumus-rumus ini, yang meliputi *flapping* dalam bahasa Inggeris misalnya, akan diterangkan dari sudut pengucapan fonologikal, yang di bawah keadaan tertentu mempunyai lebih daripada satu ayat.

HIERARKI PROSODIK

Cadangan penting untuk fonologi prosodik ialah suatu hierarki unit-unit prosodi. Idea hierarki prosodik ialah bahawa setiap unit terdiri daripada beberapa unit daripada aras rendah sejurus selepasnya. Nespor dan Vogel mencadangkan suatu hierarki tujuh konstituen prosodik. Setakat ini, jelaskan bahawa mora dapat membentuk suatu unit prosodi. Dengan menambahkannya kepada hierarki tujuh unit, maka terdapatlah lapan unit dalam (2), bersama-sama dengan simbol yang akan digunakan untuk setiap satunya.

2. Hierarki prosodik

- | | |
|---------------|---|
| (a) mora | M |
| (b) suku kata | O |

(c) kaki (foot)	F
(d) kata fonologi	w
(e) kelompok klisis	C
(f) frasa fonologi	I
(g) ucapan fonologi	U

Keperluan yang dimiliki oleh unit prosodik kepada konstituen peringkat (*rank*) selepasnya yang lebih besar dalam hierarki, akan hanya berupa keperluan pengesahan prosodik (*prosodic licensing*). Nespor dan Vogel merujuk konsep ini dengan istilah hipotesis lapisan ketat (Strict Layer Hypothesis) dengan formulasinya dalam (3):

3. *Prinsip 1.* Unit hierarki bukan penghabisan yang diberi, XP, terdiri daripada satu atau lebih unit kategori yang lebih rendah berikutnya, Xp-I.

Prinsip 2. Unit aras hierarki yang diberi terkandung dalam unit superordinat yang menjadi sebahagian daripadanya.


Hipotesis lapisan ketat secara berkesan menguatkuasakan pengesahan prosodik dalam kedua-dua arah: Setiap unit mestilah dipunyai oleh unit yang lebih tinggi (mora ke suku kata, suku kata ke kaki, dan sebagainya) selepasnya, dan bahawa setiap unit itu mesti secara menyeluruh juga mengandungi unit-unit peringkat yang lebih rendah kemudiannya (kata fonologi mengandungi hanya kaki, kaki mengandungi hanya suku kata, dan sebagainya).

Nespor dan Vogel menguatkuasakan dua keadaan tambahan ke atas struktur prosodi yang dirujuk oleh mereka sebagai Prinsip 3 dan 4.

4. *Prinsip 3.* Struktur fonologi prosodik berhierarki merupakan pencabangan n-ari.

Prinsip 4. Hubungan kenyaringan (*prominence*) relatif yang terbatas untuk nod anak begitu rupa bahawa satu nod diberikan nilai kuat (s) manakala semua nod yang lain diberikan nilai lemah (w).

Prinsip 3 berkontras dengan kerja-kerja yang lalu dalam ukuran metrik dan fonologi prosodik yang membenarkan hanya pencabangan binari. Sekiranya beberapa unit prosodik Y mengandungi, contohnya, tiga kategori X yang lebih rendah selepasnya, satu struktur pencabangan n-ari akan berupa seperti (5a), manakala struktur binari akan berupa seperti (5b).



Nespor dan Vogel berhujah bahawa struktur pencabangan n-ari lebih mudah daripada struktur pencabangan binari sebab struktur-struktur itu tidak memerlukan nod bersilang tambahan yang terpegang kepada had pencabangan binari itu. Nod-nod bersilang itu sebenarnya tidak sejajar dengan sebarang konstituen fonologi. Oleh yang demikian, kita menerima bahawa struktur prosodi adalah pencabangan n-ari. Prinsip 4 diperlukan menjadi sebagai suatu konvensi pelabelan untuk struktur pencabangan n-ari. Ini membenarkan hanya satu anak daripada kategori prosodik menjadi kuat (s), manakala yang lain-lainnya semestinya lemah (w). Ini menggantikan keperluan metrik yang asalnya bahawa kuat dan lemah mesti berlaku dalam pasangan.

Selkirk (1980) membezakan tiga jenis rumus prosodik. Rumus *jarak ranah* (span rules) memberi kesan kepada segmen dalam konteks segmen-segmen yang lain, iaitu setiap bahagian daripada rumus itu terkandung dalam ranah unit prosodik tertentu, seperti dalam (6).

6. Jarak ranah

$$A \rightarrow B / (... X \text{ ____ } Y ...) Di$$

Rumus *jungtur ranah* diaplikasikan kepada segmen dalam konteks segmen-segmen lain pada jungtur dua unit prosodik daripada jenis yang sama, iaitu dua unit bersebelahan dalam unit prosodik kemudiannya lebih besar, seperti dalam (7).

7. Jungtur ranah

- a. $A \rightarrow B / [\dots [\dots X \text{ ____ } y] Dj [Z \dots] Dj \dots] Di$
- b. $A \rightarrow B / [\dots [\dots X] Dj [Y \text{ ____ } Z \dots] Dj \dots] Di$

Akhir sekali, rumus *had ranah* diaplikasikan pada bucu kanan atau kiri konstituen prosodik, seperti dalam (8).

8. Had ranah

- (a) $A \rightarrow B / [\dots X \text{ ____ } Y] Di$
- (b) $A \rightarrow B / [X \text{ ____ } Y \dots] Di$

SUKU KATA (σ) DAN KAKI (F)

Kahn (1976) berhujah bahawa sebilangan rumus alofonik dalam bahasa dapat mempunyai suku kata sebagai ranahnya. Kiparsky (1979) menganalisis semula rumus-rumus Kahn sebagai rumus ranah kaki, supaya keambisilabian Kahn itu tidak perlu diambil kira dalam analisis. Dalam pada itu, rumus pemendekan diftong tidak dapat dianggap ciri yang benar untuk menandai suatu rumus ranah kaki Kiparsky. Yang dikatakan ranah pemendekan diftong itu sebenarnya adalah suatu kata fonologi. Dalam makalah ini kita akan melihat rumus-rumus fonologi dengan suku kata atau kaki sebagai ranah-ranahnya.

Contoh pertama rumus syarat penyukuan kata yang dapat dibincangkan berupa glotalisasi. Pernyataan segmental menetapkan bahawa glotalisasi plosif tak bersuara berlaku dalam kata-kata yang mengambil imbuhan akhiran / -kan / daripada dasar kata kerja atau akhiran kata nama / -an / daripada dasar kata kerja atau kata adjektif. Bagi setiap kasus itu, segmen diglotalisasi hendaklah didahului oleh segmen [- konsonantal]. Sebagai tambahan, segmen ini haruslah akhir, diikuti dalam kata fonologi oleh konsonan plosif. Contoh-contoh glotalisasi dalam bahasa Melayu adalah dalam senarai yang berikut:

- | | |
|-----------------|----------------|
| (a) buatkan | [buwatʔkan] |
| (b) keratkan | [kəratʔkan] |
| (c) tetapkan | [tətapʔkan] |
| (d) tindakan | [tindaʔkan] |
| (e) ketetapan | [kətətapʔan] |
| (f) anak-anakan | [anaʔ anaʔkan] |

Kita telah dapat menerangkan glotalisasi bersama-sama plosif tak bersuara yang menunjukkan kesan-kesan rumus dengan agak jelas. Dalam kebanyakan hal, simbol [tʔ] dan [pʔ] dapat sahaja diganti dengan [?] dalam dialek tertentu seperti dialek Terengganu dan Kelantan, yang bunyi [p] dan [t] pada akhir kata disebut dengan konsonan tak bersuara [k] yang apabila disebut sebagai koda akhir kata dapat sahaja diganti dengan konsonan tak bersuara [k]. Rumus had ranah yang berikut menerangkan bagaimana plosif tak bersuara diglotalisasi pada posisi suku kata akhir yang mengikuti bukan-konsonantal bagi dasar sebelum diimbuhkan:

9. Glotalisasi

- kontinuan [+ konstriksi] / [...[+ sonorant] ____] a
- bersuara

Dalam bahasa Melayu, terdapat juga rumus penyukuan aspirasi apabila konsonantal velar tak bersuara didahului dan diikuti oleh bukan konsonantal pada akhir kata fonologi seperti dalam senarai yang berikut:

10. buka	[buk ^h a]
buku	[buk ^h u]
baku	[bak ^h u]
duku	[duk ^h u]

Ciri-ciri fonologi yang wujud dalam kata bahasa Melayu yang diterangkan pada contoh (1–10) masih tertakluk kepada perbincangan, dan haruslah diperdebatkan sekiranya sifat-sifat prosodik yang dinyatakan itu tidak tepat.

MORFOLOGI PROSODIK

Teori Morfologi Prosodik yang dirangka oleh MacCarthy dan Prince dapat digunakan untuk melihat sifat-sifat representasi fonologi dan implikasinya dalam morfologi bahasa Melayu. Berdasarkan hipotesis teori ini, templat didefinisi menurut unit-unit prosodi: Mora (μ), suku kata (σ) kaki (F), kata prosodik (W) dan lain-lain yang berkenaan.

Dalam bahasa Melayu terdapat kata jamak yang dapat dibentuk dengan bahagian dasarnya terhad secara prosodik dan ini dirujuk sebagai *kata minimal* dan dengan cara memeta kata minimal ke atas *kaki iambik*. Kata “iambic” terdiri daripada suku kata ringan yang secara metrik diikuti oleh suku kata berat (KvKvv) seperti *rajul* “orang lelaki tunggal” dan *rajuul* “orang lelaki jamak” dalam bahasa Arab. Suku kata Kv berupa suku kata ringan, manakala suku kata Kvv atau KvK berupa suku kata berat. Oleh sebab konsonan yang berlaku pada posisi akhir kata tidak diambil kira dalam penentuan beratnya, maka suku kata KvK pada akhir kata dianggap suku kata ringan sahaja.

HIPOTESIS MORFOLOGI PROSODIK

Rukun pertama Morfologi Prosodik ialah bahawa templat morfologi didefinisi dari segi unit autentik hierarki fonologi seperti suku kata, kaki, dan kata prosodik.

Suku Kata dan Mora

Hubungan antara templat tunggal dengan tempat jamak yang pecah ialah

sesuatu yang bukan merupakan salah satu pemindahan langsung, walaupun jelas bahawa hubungan antara satu dengan yang lain-lainnya jauh daripada arbitrari, seperti pada contoh yang berikut dalam bahasa Arab:

11. Akar	Tunggal	Jamak
/ ʕnb /	ʕinab	ʕanaab “anggur”
/ ?sd /	?asad	?usuud “singa”

Sekiranya dasar prosodik yang disediakan oleh kata tunggal melebihi dua mora, bentuk jamak mempunyai tiga suku kata seperti dalam *sultaan* > *salaatiin* (jamak) “sultan”. Pada titik ini dalam bentuk penerbitan urutan VV dan juga VK dikatakan dwimora.

RANGKUMAN PROSODIK

Rangkuman prosodik dapat mengambil bentuk yang memerlukan proses morfologi yang hanya diaplikasikan pada bentuk minimal. Input kepada proses boleh jadi cuma sebahagian daripada kata (misalnya suku kata atau kaki dwimora) sekiranya seluruh kata lebih besar daripada kata paling kecil dibenarkan dalam bahasa. Dalam bahasa Inggeris, misalnya, terdapat sufiksa bandingan *-er* dan sufiksa bandingan kepalingan *-est* yang hanya terdanding pada adjektif-satu-kaki, seperti pada:

12. (a)	tall	taller	tallest
	big	bigger	biggest
	loud	louder	loudest
(b)	trend	trendier	trendiest
	happ	happier	happiest
(c)	gentle	gentler	gentlest
	feeble	feebler	feeblest

Adjektif-satu-kaki seperti di atas haruslah mempunyai satu suku kata seperti dalam (12a), atau dua suku kata sekiranya berakhir dengan vokal lemah [ʰ], [1] silabik atau diftong [əu].

Dalam bahasa Melayu, proses morfologi dapat diaplikasikan dari segi bahawa rangkuman prosodik dapat juga beroperasi ke atas bentuk kata. Ini melibatkan pemilihan alomorf sesuatu morfem yang digunakan dengan stem. Dalam bahasa Melayu terdapat alomorf *menge-* kepada morfem < me-> bagi membentuk dwisuku kepada dasar bersuku kata. Ini berlaku bagi menyelaraskan bahawa dasar bagi kata terbitan (kata dengan afiksa)

hendaklah sekurang-kurangnya dwisuku (disyllabic):

13. me + lap → me-*nge*-lap “mengelap”
- me + had → me-*nge*-had “mengehad”
- me- + sah → me-*nge*-sah “mengesah”
- me- + cat → me-*nge*- cat “mengecat”

Pertambahan satu suku kata kepada kaki semata-mata untuk menjadikan stem kaki dwisuku, iaitu sifat umum struktur suku kata dasar bahasa Melayu.

Terdapat juga alomorf sufiksa kasus ergatif yang berdistribusi komplementer dalam bahasa Melayu. Prefiksa *ber-* mengekalkan bentuk *ber-*nya pada stem dwisuku < ajar > bagi menerbitkan <berajar> dengan maksud “telah diajar” yang merujuk kepada objek supaya kata terbitan itu mengekalkan stem dwisuku dalam struktur ergatif. Dalam kata ini tekanannya berada pada suku kata pertama, yakni pada <ber-> dalam kata <bérajár> itu.

Sebaliknya, kata <belajar> dapat juga berdiri sebagai kata yang diterbitkan oleh prefiksa yang sama tetapi dalam struktur datif, supaya kata dengan stem dwisuku itu merujuk kepada agen dalam struktur kasus datif. Dalam kata <belajar> ini, tekanan jatuh pada suku kata akhir: <belajár> dengan dwimora (μμ). Yang membezakan prosesnya ialah hasilnya dari segi bilangan suku kata yang sama tetapi dalam urutan yang berbeza dari segi berat ringan suku kata yang terkandung dalam kata. Dalam terbitan ergatif <berajar>, suku kata berat yang pertama diikuti oleh stem dwisuku yang berakhir dengan suku kata berat yang didahului oleh suku kata ringan dengan (?) berfungsi sebagai onset atas sebab onset tidak dibenarkan dalam suku kata tersebut. Manakala dalam terbitan datif <belajar>, suku kata ringan diikuti oleh stem dwisuku yang juga berakhir dengan suku kata berat yang didahului oleh suku kata ringan dengan (l) sebagai onsetnya. Dalam kedua-dua kata *berajar* dan *belajar* itu, suku kata akhirnya adalah dwimora (mm).

Kajian McCarthy dan Prince secara ekstrametrikal merujuk kepada *Rangkuman Prosodik Negatif* untuk situasi apabila konstituen prosodik tertentu dikeluarkan daripada skop operasi fonologi dan morfologi tentang kejadian tekanan dalam bahasa Latin, tetapi kajian itu tidak dikemukakan dengan jelas. Seperti juga dalam bahasa Diyari yang dipetik daripada contoh-contoh Austin, bahawa juga mengalami sebahagian daripada bentuk dasar yang membentuk domain proses fonologi dan morfologi yang rangkuman prosodik dapat diterangkan dengan jelas:

14. Akar	Akar yang diulang
budak	budak-budak “beberapa orang budak”
buku	buku-buku “beberapa buah buku”
bunga	bunga-bunga “beberapa jenis bunga”
hal	hal-hal
cat	cat-cat
suka	suka-suka
cantik	cantik-cantik
main	main-main
buat	buat-buat

Generalisasi yang meliputi set data ialah bahasa yang kata namanya (termasuk kata kerja dan kata adjektif) digandakan dengan mengulangi KVKV (K) akar yang pertama. Dengan kata lain, bahasa Melayu sendiri membuktikan contoh mudah *afiksasi reduplikasi* ini. Prefiksa reduplikatif merupakan kata minimal, dan hal ini disahkan dengan menyalin dan memeta melodi KVKV(K) yang dipinjam daripada dua suku kata pertama. Hakikat bahawa prefiksa boleh berakhir dengan vokal atau konsonan merupakan sifat kata bahasa Melayu: Semua kata, termasuk kata minimal, dapat berakhir dengan suku kata ringan atau berat. Dalam bahasa Melayu, sufiksa reduplikatif terbukti kata minimal. Kata minimal boleh berbentuk eksasuku atau dwisuku, seperti kata *hal-hal* dan *budak-budak*.

Beberapa contoh proses morfologi yang mempunyai ciri-ciri prosodik ialah yang disediakan oleh penjamakan (perkara yang serupa pernah dikaji oleh Wiesemann, 1972, sebagaimana yang dinyatakan oleh Steriade 1988:76).

15. (a) Reduplikasi suku kata akhir

Tunggal	Jamak
Segala	segala-gala
Perlahan	perlahan-lahan
Kaya	kaya-raya

(b) Reduplikasi suku kata pertama

Tunggal	Jamak
Bukit	bukit-bukau

(c) Penyisipan afiksa -em- dan -er-

Guruh	gemuruh
Gentar	gementar
Kuping	keruping

(d) Penyisipan awalan me- dengan makna saling + jamak

pukul	→	pukul-memukul
tolak	→	tolak-menolak
kuak	→	kuak menguak

(e) Perubahan vokal u → i

cucu	→	cucu-cicit
------	---	------------

(e) Perubahan konsonan

kuih	→	kuih-muih (k → n)
duit	→	duit-muit (d → m)

Dalam bahasa Melayu, penjamakan, sama ada dari segi bilangan bagi kata nama, atau siri perbuatan yang berterusan bagi kata kerja, dapat ditunjukkan dengan menggunakan tiga kaedah yang jelas:

Salinan *suku kata akhir* dikembarkan sebagai sukfixa reduplikatif seperti dalam *segala ~ segala-gala*.

Salinan suku kata pertama dikembarkan sebagai sufiksa reduplikatif seperti dalam *bukit ~ bukau*, *kaya ~ kaya-**raya***, *kuih ~ kuih-**muih***, *cucu ~ cucu-**cicit***, *gunung ~ gunung-**ganang***.

Sisipan afiksa *-er-* dan *-em-* yang dikembarkan sebagai infiksa reduplikatif seperti dalam *guruh ~ gemuruh*, *kuping ~ keruping*.

Sisipan afiksa *me-* dikembarkan sebagai prefiksa reduplikatif seperti dalam *sabung ~ menyabung*, *pukul ~ memukul* dan *kuak ~ kuak-menguak*.

Jelaslah di sini bahawa pendapat yang mengatakan penjamakan tidak dapat dihuraikan tanpa mengenal peranan suku kata bagi menentukan domain penjamakan dalam morfologi sesuatu bahasa adalah tidak benar.

Elok juga kalau kita cuba melihat analisis pengimbuhan daripada jenis

yang memerlukan analisis rangkuman prosodik secara ekstrametrikal. Keadaan yang terjadi dalam bahasa Nicaragua dan Ulwa yang diuraikan oleh Hale dan Lacayo Blanco (1988) yang dipetik oleh McCarthy dan Prince (1990) juga terdapat dalam bahasa Melayu. Untuk ini, kaki iambik bagi dasar hendaklah dasar minimal. Hanya sejeurus selepas dasar minimal inilah tempat bagi penanda milik berlaku. Dalam bahasa Melayu terdapat penanda milik *-nya* yang hadir selepas kata nama minimal. Di sinilah rumus dapat dibuat, bahawa semua yang nampak itu merupakan kaki pertama. Bahagian lain daripada kata merupakan unsur-unsur ekstrametrikal:

16.	Dasar	Milik
(a)	had cat wang	had ^{<i>nya</i>} cat ^{<i>nya</i>} wang ^{<i>nya</i>}
(b)	buku rumah bilik	bukun ^{<i>ya</i>} rumahn ^{<i>ya</i>} bilikn ^{<i>ya</i>}
(c)	kelambu sepatu sekolah teratak	kelambun ^{<i>ya</i>} sepatun ^{<i>ya</i>} sekolahn ^{<i>ya</i>} teratak ^{<i>nya</i>}

Seperti yang dapat kita lihat, *-nya* biasanya mengikuti segera kaki iambik bagi dasar. Oleh sebab itu, *-nya* adalah sufiksa yang dasarnya adalah monosilabik seperti dalam (16a), atau dwisuku dalam (16b) atau lebih panjang daripada itu seperti dalam (16c).

Sebagai kesimpulan, bahasa Melayu dapat menjelaskan dengan lebih baik konsep *minimaliti*. Apabila rangkuman prosodik wujud, rumus morfologi dapat digunakan dalam lingkungan dasar yang membentuk dasar minimal, dengan bahagian yang lain diketepikan.

Oleh yang demikian, reduplikasi tidak mungkin dianggap luar biasa apabila digunakan untuk dasar minimal. Terdapat beberapa proses morfologi yang lain yang mungkin dapat dikaji bagi stem yang dipendekkan dalam kata.

Kata minimal dalam bahasa Melayu adalah kaki dwimora. Kaki dwimora didapati memainkan peranan yang utama dalam sifat-sifat morfologi bahasa Melayu. Dimungkinkan bahawa bentuk-bentuk hipkristik

dapat digandingkan dengan nama khas tanpa mengalami sebarang perubahan:

17. kecinaan	<	Cina
kemelayuan	<	Melayu
keisraelan	<	Israel
kearaban	<	Arab

Pendampingan afiksa *ke-an* kepada nama bangsa ini dianggap tidak menunjukkan perasaan yang akrab, mungkin bersifat sinis. Bentuk-bentuk hipokristik ini menampilkan fungsi templat sebagai *sasaran pemetaan*. Templat yang mengandungi kaki dwimora atau tiga mora dapat disahkan oleh pemetaan melodi dasar yang mempengaruhi makna tertentu. Tekanan yang diberikan pada suku kata akhir nama khas itu sesuai dengan fungsi templat. Kebanyakan nama bangsa mengandungi sekurang-kurangnya empat suku kata (KvKvKvKvK, KvKvKvvKvK dan sebagainya).

Proses yang telah dibincangkan memiliki sifat-sifat yang diaplikasikan kepada bahagian dasar. Hal ini biasa tidak hanya dalam morfologi, tetapi juga fonologi.

Dalam kaitan dengan dasar minimal, kita telah melihat kejadian unsur prosodik seperti labialisasi, palatalisasi dan glotalisasi. Ketiga-tiga proses ini berlaku kerana dalam bahasa Melayu wujud urutan vokal yang tidak disempadani oleh suatu onset. Sesuai dengan sifat bahasa Melayu yang kata-katanya dwisuku, maka kewujudan labialisasi sebagai unsur prosodik pada kata *kepulauan* yang unsur labial (ʷ) yang mencela (u) dan (a) suku kata akhir kata membuktikan bahawa semua diftong dengan urutan (-au) apabila diikuti oleh sufiksa <-an> akan meletakkan unsur labial akhir dasar minimal (u) yang dicirikan oleh kewujudan labialisasi yang sebenarnya berfungsi sebagai onset suku kata akhir setelah diimbuhkan dengan akhiran <-an > dalam bahasa Melayu ini kerana kehadiran onset tidak diizinkan oleh fonologi Melayu untuk hadir di situ. Demikian jugalah unsur prosodik yang dinamakan palatalisasi yang ditandai dengan (j) dalam kata tertentu bahasa Melayu. Unsur palatalisasi yang hadir selepas diftong (-ai) sebelum diikuti oleh sufiksa <-an> dalam dasar minimal *lalai* juga berfungsi sebagai onset yang tidak diizinkan wujud dalam kata dasar minimal itu. Realisasi onset ini dapat dilihat pada contoh yang berikut:

18. <ke-an> + pulau >	→	(ke + pu + lau + wan)
<ke-an + lalai>	→	(ke + la + lai + yan)

Demikian unsur prosodik labialisasi yang berlaku dalam kata *kaedah* (ka + ?e + dah) dan *maaf* (ma + ?af), di mana unsur glotalisasi (?) berfungsi sebagai onset suku kata akhir kata yang diimbuhkan oleh akhiran <-an> sebagai bahagian daripada imbuhan <per-an> dan <ke-an>:

19. <per-an + kaedah> → (per + ka + ?e + dah + an)
 <ke-an + maaf> → (ke + ma + ?a + fan)

SYARAT PEMUASAN TEMPLAT

Dalam teori ini, rumus morfologi berkewajipan memuaskan keperluan templat. Misalnya, jika operasi morfologi memperkenalkan afiksa reduplikatif dengan kaki dwimora, maka rumus morfologi dan fonologi menentukan bahawa afiksa dwimora hendaklah dibawa bersama.

Cuba perhatikan syarat pemuasan templat dalam penggandaan kata nama bahasa Melayu. Suatu kata nama dapat digandakan untuk menerbitkan kata nama baru dengan menunjukkan penekanan makna yang cukup jelas. Sekarang, kita boleh sahaja memulakannya dengan kata nama dwisuku yang di dalamnya terdapat reduplikasi.

20. (a) Kata nama dengan stem dwisuku

bucu	→	bucu- bucu	
bayang	→	bayang- bayang	
gunung	→	gunung- gunung	→ gunung- ganang
bukit	→	bukit- bukit	→ bukit-bukau
cucu	→	cucu- cucu	→ cucu-cicit

- (b) Kata nama dengan stem ekasuku

had	→	had- had
cat	→	cat- cat


Apabila kata nama mempunyai stem ekasuku, suku kata stem diulang. Begitu jugalah halnya apabila kata nama mempunyai dwisuku, kedua-dua suku kata diulang sepenuhnya. Dengan kata lain, *kata minimal* yang menjadi sasaran reduplikasi ialah bahagian kata pertama, iaitu stemnya. Demikian pulalah dengan kata nama ekasuku, seluruh stemnya diulang. Akan tetapi, bagi kata *kanak-kanak* dan *labi-labi*, kata pertama, iaitu stemnya, diwakili oleh *kanak* dan *labi*, masing-masing bukan kata mini-

mal, sebab kata minimal diwakili seluruhnya oleh bentuk gandaan. Hal ini demikian kerana masing-masing stem *kanak* dan *labi* tidak mempunyai makna jika tidak diulang seluruhnya sebagai kata minimal. Dalam hal ini, bentuk gandaan atau sufiksa reduplikatif tetap wujud, di mana reduplikasi berperanan memberikan makna stem dwisuku yang tidak bermakna. Oleh sebab itu, *kanak-kanak* dan *labi-labi* tetap termasuk ke dalam kategori kata ganda yang setaraf dengan bentuk-bentuk lain, iaitu hasil reduplikasi seluruh stem dwisuku. Unsur kedua daripada kata ulang itu tetap berfungsi sebagai sufiksa reduplikatif dalam bahasa Melayu. Cadangan ini dapatlah dirumuskan sebagai berikut:

21. (a) Templat reduplikatif merupakan unit prosodik yang mengandungi satu atau dua suku kata.
- (b) Templatnya tetap diimbuhkan oleh sufiksa reduplikatif.
- (c) Menyalin melodi kata nama tersebut.
- (d) Memeta melodi ke tempat dari kanan ke kiri.

Prinsip-prinsip ini membekalkan penerbitan untuk *had-had*, *gunung-gunung* dan *cucu-cucu*:

22.



Kita juga mendapati fakta bahawa sufiksa reduplikatif semestinya kaki dwisuku. Rumus di atas belum lagi dapat memenuhi syarat pemuasan templat kerana sufiksa reduplikatif telah mendapat vokal baru sebagai akibat berlakunya perubahan vokal *u* pada stem menjadi *i* dan *a* pada sukfisa

reduplikatif, seperti kasus *cucu* ~ *cucu-cicit* dan *gunung* ~ *gunung-ganang*. Untuk kejadian khusus ini, syarat pemuasan templat dan dilaksanakan oleh rumus prosodik yang membekalkan perubahan vokal berdasarkan berat ringannya suku kata. Perubahan vokal akan berlaku hanya apabila sufiksa reduplikatif dwisuku berakhir dengan suku kata berat, supaya perubahan vokal tidak berlaku apabila suku kata akhir sufiksa reduplikatif yang berupa suku kata ringan. Rumus tambahan ini dengan sendirinya memenuhi syarat pemuasan templat yang menghendaki supaya bilangan suku kata pada sufiksa reduplikatif itu sama dengan jumlah suku kata stemnya.

Bagaimanakah pula harus kita menerangkan bentuk-bentuk reduplikasi daripada golongan kata kerja yang mengambil prefiksa < me- > seperti pada kata *tumbuk-menumbuk* dan *menumbuk-numbuk* dalam morfologi bahasa Melayu. Bagi kata ganda *tumbuk-menumbuk*, prefiksa <me-> digandingkan dengan sufiksa reduplikatif dwisuku (iaitu sama dengan bilangan suku kata stemnya) jika kata ini mendukung kasus datif. Templat prefiksa stem bagi kasus ini biasanya KVKV(K)KV(K), manakala templat sufiksa reduplikatifnya ialah KV(K)KV(K). Sebaliknya, jika kasus yang diperlukan itu kasus objektif, maka sufiksa <me-> akan digandingkan dengan stem dwisuku yang diikuti oleh sufiksa reduplikatif dwisuku juga: (*menumbuk-numbuk* orang itu). Templat sufiksa reduplikatif bagi kasus ini pula biasanya sama dengan templat stemnya: KV(K)KV(K). Dalam segala kejadian bentuk-bentuk reduplikasi, syarat pemuasan templat dapat dipenuhi oleh pelaksanaan beberapa rumus fonologi dan morfologi prosodik jika berkenaan. Akan tetapi, asas pertimbangan hendaklah bertitik tolak pada konsep *kata minimal*.

KESIMPULAN

Pada umumnya, fonologi dan morfologi prosodik saling memenuhi tanggungjawab menyelesaikan beberapa masalah morfologi, termasuk sifat-sifat ujaran bagi kata daripada berbagai-bagai pembentukan. Dalam penulisan ini, penulis cuba menunjukkan cara-cara menilai bentuk-bentuk kata ulang yang dapat diterima berdasarkan sifat-sifat prosodik yang ada padanya, sama ada secara fonologi mahupun morfologi. Bentuk-bentuk kata terbitan barangkali dapat dikaji dengan menggunakan sifat-sifat prosodi ini pada kata tersebut melalui proses tertentu, yakni yang bertitik tolak pada konsep prosodik kata minimal yang dibawakan oleh suku kata, kaki dan struktur moraik di dalamnya: Templat. Percubaan ini barangkali masih tertakluk kepada perbincangan yang lebih lanjut. Hal ini demikian kerana

teori fonologi bermacam-macam dan aspek cakupannya juga tertakluk kepada faktor-faktor universal dalam bahasa. Walau bagaimanapun, teori fonologi dan morfologi prosodik tetap berguna untuk melihat pembentukan morfologi yang benar dalam sesuatu bahasa. Rumus-rumus yang dikemukakan oleh pelbagai ahli fonologi membantu kita menerangkan kejadian kata dalam sesuatu bahasa dengan agak meyakinkan.

RUJUKAN

- Archangeli dan Pulleyblank, 1994. *Grounded Phonology*. London: The MIT Press.
- Durand J., dan Katamba F. 1995. *Frontiers of Phonology: Atoms, Structure, Derivations*. London: Longman.
- Goldsmith J.A. (ed.), 1995. *The Handbook of Phonological Theory*. Cambridge: Blackwell.
- Kahn D. 1976. *Syllable-Based Generalization in English Phonology*. New York; Garland.
- McCarthy dan Price, 1988. "Quantitative Transfer in Reduplicative and Templatic Morphology", dlm. *Linguistics in the Morning Calm*: Linguistic Society, Korea.
- McCarthy dan Price, 1990. "Prosodic Morphology and Templatic Morphology" (ed.), *Perspectives on Arabic Linguistics: Papers from the Second Symposium*.
- Nespor. M dan Vogel, 1986. *Prosodic Phonology*. Foris: Dordrecht.
- Selkirk, 1980. "Prosodic Domains in Phonology" dalam M. Aronoff dan Kean, (ed.), *Juncture*: Amma Libri.
- Silckirk, 1982. "The Syllable" dlm. Hulst, H.G. Van Der dan Smith, (ed.), *The Structure of Phonological Representations Part II*. Farris: Dordrecht.